

LATIHAN BAHAGIAN B SOALAN 21

(MELENGKAPKAN TEKS DENGAN PELBAGAI JENIS KATA)

Soalan 21 (Latihan 1)

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

yang	di	kepada	ke
untuk	pada	dan	kerana

Hutan merupakan khazanah negara _____ amat bernilai. Antara sumber yang diperoleh melalui hutan ialah kayu balak. Kayu balak merupakan hasil hutan yang paling bernilai _____ memberi pulangan yang lumayan kepada negara. Negeri Pahang merupakan pengeluar kayu balak yang utama _____ Semenanjung Malaysia _____ bentuk muka buminya yang berbukit-bukau dan mempunyai sungai yang luas. Selain itu, negeri-negeri lain yang turut menjadi pengeluar kayu balak ialah Kelantan, Sabah dan Sarawak.

[4 markah]

Soalan 21 (Latihan 2)

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

yang	akan	dan	hingga
demi	sambil	agar	malah

Kita mesti menghormati ibu bapa kita. Murid yang baik akan sentiasa patuh _____ nasihat ibu bapa. Semua ibu bapa berharap _____ anak mereka menjadi orang yang berguna kepada agama, bangsa dan negara apabila dewasa nanti. Mereka sanggup berkorban apa sahaja _____ membahagiakan anak-anak mereka. Bukan sahaja masa, _____ harta dan wang ringgit mereka sanggup korbankan untuk anak-anak mereka. Janganlah kita hampakan harapan kedua-dua ibu bapa kita.

[4 markah]

Soalan 21 (Latihan 3)

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

tentang	ialah	hingga	oleh
serta	untuk	dengan	adalah

Setiap hari kita menggunakan minyak kelapa sawit _____ menggoreng atau menumis makanan. Kita jarang mengkaji kandungan kolestrol di dalam minyak tersebut. Menurut kajian Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) bahawa mereka yang sering menggunakan minyak kelapa sawit sebagai bahan makanan _____ berupaya mengurangkan sebanyak tujuh _____ 38 peratus kolestrol dalam darah. Sekiranya dibandingkan dengan lemak binatang yang digunakan dalam mentega, minyak kelapa sawit kurang 50 hingga 100 kali ganda kolestrol berbanding _____ lemak binatang.

[4 markah]